

Pengenalan

Adat Perpatih

Oleh:

M. SHARIF FH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
(PEMANIS)

Ceramah Forum Adat Perpatih, 9.3.1987

Pengenalan Adat Perpatih

Pendahuluan dan terima kasih.

بسم الله الرحمن الرحيم
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته
جنابہ سہا . سر دارا فتوحہ کی مجلس
حقہ ہم کیا تشریف دئے کچھ ادریں
مجلس احباب انیسویں
اسلامیہ اسکول کراچی میں ان خاندان پر دین فہم کے دلچسپ مجلس
ریاضہ

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pada satu ketika dulu saya didatangi oleh seorang pelawa dari luar negeri dan berkata dia baru saja datang dari Sumatera barat kerana membuat penyelidikan mengenai hidup masyarakat di sana termasuklah perkara-perkara yagn berhubung dengan “Adat Perpatih”. Beliau difahamkan oleh rakan-rakannya di sana sungguh pun Adat Perpatih itu tumbuh di Alam Minangkabau tetapi kalau hendak melihat susunan masyarakatnya dan pentadbirannya datanglah ke Negeri Sembilan.

Tetapi anehnya bila saya sampai ke sini, katanya saya lihat keadaan masyarakatnya tidak berbeza bahkan sama sahaja dengan masyarakat di negeri-negeri lain yang tidak menganut Adat Perpatih. Jadi beliau itu minta jelaskan apakah ciri-ciri yang boleh dilihat menunjukkan bahawa masyarakat negeri Sembilan itu penganut Adat Perpatih.

Jadi begitulah lebih kurang bunyinya persoalan yang dikemukakan oleh pelawat itu kepada saya, yang mana tidak dapat hendak memberi jawapan dengan segera kalau tidak disusul semula dengan ringkas sejarah perkembangan adat itu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Kebetulan malam ini saya diminta oleh penganjur forum bercakap mengenai tajuk “Pengenalan Adat Perpatih”. Tadi telah saya katakana sedikit bahawa adat ini bermula tumbuhnya di Alam Minangkabau (iaitu kira-kira enam atau tujuh ratus tahun dahulu, demikian mengikut pengkaji sejarah). Seterusnya adat itu berkembang ke Negeri Sembilan dibawa bersama oleh perantau-perantau Minang yang datang meneroka negeri itu kira-kira dalam K.M. ke 16 – 17. Apakah Adat Perpatih itu? Dengan ringkasnya dapat dikatakan Adat Perpatih itu ialah satu undang-undang atau peraturan hidup masyarakat susunan Dato’ Perpatih Nan Sebatang dan cerdik pandai zaman silam, meliputi di dalamnya bidang kemasyarakatan dan konsep-konsepnya, ekonomi, politik, pentadbiran, hokum-hukum dan sebagainya. Pendeknya adat itu adalah satu cara hidup masyarakat Melayu lama yang masih diamalkan lagi datang sekarang. Barang diingat Aadt Perpatih di Negeri Sembilan itu bukanlah bulat-bulat mana yang terdapat di negeri asalnya tetapi telah disesuaikan dengan keadaan alam tempatan.

Lihat sahaja dalam pembentukan nama-nama Suku keluarga di Negeri Sembilan tidak sama dengan nama-nama suku di tanah Minang. Di Minang ada empat nama suku besar iaitu Kota, Pilian, Bodi dan Ceniaga sedangkan di negeri Sembilan ada dua belas nama. Demikian dengan cara melantik ketua adat pepatahnya berkata ‘Bulat anak buah membuat Buapak, bulat Buapak membuat Lembaga, bulat Lembaga membuat Undang, bulat Undang membuat kerajaan’ Konsep hidup mereka ialah ‘Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah’. Maksudnya hidup ini mestilah beradat, berundang-undang, betatatertib, sopan-santun dan berdisiplin. Mereka malu kalau dikata kurang adap atau kurang sopan.

Hidup mereka ialah bertani, bersawah lading dan bercucuk tanam. Tanah kampung yang mereka diami, warisan dari nenek moyang itu adalah kepunyaan bersama, milik keluarga sesuku. Di situlah mereka membuat penghidupan yang keras dijadikan lading dan huma, yang paya dijadikan sawah padi, yang bencah dijadikan tebat membela ikan.

Sebagai satu masyarakat yang bergantung hidup kepada pertanian, mereka sangat mementingkan semangat gotong-royong, bekerjasama dan bertolong-tolongan antara satu dengan lain. Kalau ke sawah mereka sama-sama turun ke sawah, sama-samas mengubah, sama-sama menuai. Mereka sentiasa harap mengharap ibarat aur dengan tebing, mereka tidak boleh biar membiar hidup sendiri-sendirian 'bagai anau dalam belukar'. Bila tumbuh sakit pening, hidup mati, kenduri kendara, mereka hendaklah sama-sama menghadapinya, berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

Selain dari itu masyarakat adat juga sangat mementingkan konsep bersefahaman antara satu dengan lain melalui muafakat. Pepatahnya ada berkata 'bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat' 'raja adat kepada muafakat', 'rundingan tidak selisih, muafakat tidak berubah'. Pepatah-pepatah itu jelas menyuruh masyarakatnya mencari persefahaman dengan jalan berunding dan bermuafakat. Keputusan yang telah diambil hendaklah sama-sama dihormati.

Adat Perpatih juga mendukung cita-cita 'keadilan'. Pepatah 'biar mati anak jangan mati adat' itu adalah lambing keadilan. Banyak orang salah faham mentafsirkannya dengan memberi makna yang negatif. Sedangkan maksud yang dikehendaki tidaklah begitu, demi untuk menegakkan kemurnian undang0-undang maka kita hendaklah adil memberi keputusan walaupun yang bersalah itu anak atau keluarga sendiri undang-undang hendaklah diutamakan. Tidak boleh kena di mata dipicingkan, kena perut dikempiskan atau limau masam sebelah. 'Kok mengukur biar sama panjang, kok menimbang biar sama berat, kok membahagi biar sama banyak cupaknya pepat gelanggang piawai, terajunya baik, maka tidak boleh dielakkan.

Adat juga menyarankan masyarakatnya hidup mencari persesuaian, bertoleransi antar satu dengan lain dan mencari perdamaian seperti kata pepatahnya ‘Duduk berpelarasan dekat rumah dekat kampung, se halaman sepermainan, seperigi sepermandian dan seterusnya ke bukit sama didaki ke lurah sama dituruni ke laut sama direnangi’. Konsep ini dengan sendirinya menimbulkan rasa muhibah dan perpaduan dikalangan masyarakat

Ekonomi

Sekarang kita berkisar pula memperkatakan ekonomi masyarakat adat itu. Seperti yang telah disebutkan tadi, sejak dari dulu lagi punca ekonomi mereka ialah ‘tanah’ yakni pertanian. Tanah itulah yang diusahakan tempat mereka bercucuk tanam, bersawah bendang, berhuma, berkebun buah-buahan. Di samping itu mereka juga menternak ayam itik, kerbau dan kambing. Adat menggalakkan masyarakatnya mempunyai ekonomi yang baik ‘kain penutup miang, emas penutup malu, hina besi dek karat, hina manusia kerana tak beremas’. Demikian katanya.

Semangat merantau yang terdapat di kalangan masyarakat itu ada hubungan dengan ekonomi. Mereka mencari rezeki di luar kerana keadaan ekonomi di kampung terhad atau jatuh meleset. Bila dapat rezeki lebih di perantauan mereka kirimkan ke kampung untuk sara hidup keluarga atau untuk membeli harta. Ibu bapa yang ramai anak lelaki pergi merantau mereka merasa lega sedikit sebab anak yang merantau itu kalau tidak ingatkan ke kampung dikatakan ‘anak yang tidak membalas budi’, demikian fahamanya.

Sekarang saya masuk pula dalam perkara hokum atau undang-undang dalam Adat Perpatih, diperkatakan dengan ringkas sahaja.

Hukum Tanah dan Harta : seperti yang telah disentuh sedikit tadi, tanah adalah kepunyaan bersama sesebuah suku. Hak miliknya atas nama kaum perempuan. Untuk menjaga supaya kedudukan tanah itu sentiasa terkawal tidak terjatuh ke tangan orang lain maka ia dilindungi oleh enakmen tanah pesaka adat 215.

Ada empat jenis harta terdapat dalam masyarakat itu:

- a) Pertama, harta pesaka : Harta warisan yang ditentukan kepada perempuan.
- b) Kedua, harta pembawa (harta yang dibawa waktu kahwin) : carian lelaki masa bujang, hadiah ibu bapa kepada anak lelaki dan pembahagian daripada harta carian isteri yang dahulu.
- c) Ketiga, harta dapatan: harta kepunyaan perempuan sama ada daripada harta warisan, harta titik peluh waktu anak dara atau harta yang diperolehinya waktu bercerai dengan suaminya yang lalu.
- d) Keempat, harta carian : Iaitulah harta carian suami isteri.

Prinsip pembahagian harta ini kalau berlaku perceraian adalah demikian “Pembawa kembali, Dapatan tinggal, Carian bahagi”.

Hukum Perkahwinan dan Perceraian

Sistem Adat Perpatih tidak menggalakkan anggotanya kahwin sesuku (keluarga dalam suku). Perkahwinan hendaklah dilakukan dengan ahli keluarga suku yang lain (Eksogami). Dengan itu terikatlah tali perhubungan antara suku dengan suku, pepatahnya berkata ‘menyambung nak panjang menyibar nak lebar’.

Biasanya sebelum melakukan upacara nikah kahwin mereka menjalankan ‘risik andai’ dan menghantar cincin kemudian baru perkahwinan. Ada juga terdapat nikah cara ringkas yang tidak lazim dilakukan iaitu ‘nikah terkurung atau salah-salahan’, ‘cara berumah’ dan ‘cara menyerah’. Ketiga-tiga cara ini jarang-jarang sekali dilakukan dan jika berlaku juga tentulah ada sebab-sebabnya. Pernah juga dikatakan orang merumah itu tanda berani dan menyerah itu tanda tiada banyak wang.

Orang lelaki yang pindah nikah ke suatu suku itu menjadi 'orang semenda' di suku isterinya. Dan semua lelaki dari suku isterinya itu pula menjadi tempat semenda kepadanya. Bila ada perkahwinan pendek pertemuan berlaku pula perceraian. Setelah bercerai andainya hati sudah sejuk, masih dalam edah maka bolehlah merujuk semula sebagaimana yang diluluskan oleh syarak. Sebab 'Adat bersendi syarak, syarak bersendi Kitabullah'. 'Syarak mengata, Adat memakai'.

Hukum Jenayah

Pada zaman dahulu kesalahan-kesalahan jenayah yang berlaku diadili oleh ketua-ketua adat. Kes-kes yang besar dibawa kepada penghulu, undang atau keadilan. Kes yang kecil-kecil diselesaikan oleh lembaga atau buapak sahaja. Perbilangan berkata 'Tali pengikat kepada Lembaga, keras penyalang kepada Undang, pedang pemancung kepada keadilan'.

Kes-kesnya itu ialah :tikam bunuh, upas racun, samun sakar, siar bakar, maling curi, umbak umbai, sumbang salah, dahaga dahagi. Saya rasa padalah setakat ini tajuk 'Pengenalan Adat Perpatih' yang dapat saya berikan yang mana telah menyentuh serba sedikit sejarah pertumbuhan dan perkembangannya, konsep-konsepnya, ekonominya serta hokum-hukum jenayahnya. Kok kurang sama-sama ditambah, kok tak betul sama-sama dibaiki.

Akhirnya sebelum saya mengundurkan diri, sukalah dinyatakan bahawa tanah yang menjadi sumber ekonomi masyarakat pada satu ketika dulu, sekarang ini tidak begitu lagi keadaanya sudah banyak yang terbiar menjadi belukar kecil. Penghuni-penghuninya yang padat dahulu sudah pindah keluar membuat penghidupan baru. Namun demikian pihak kerajaan tidaklah lalai pula daripada berikhtiar memulihkan tanah itu supaya berfungsi semula seperti masa dulu dengan memperkenalkan cara-cara pertanian dan penternakan moden yang komersial melalui Rancangan Negeri Sembilan Timur umpamanya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Setelah diperkenalkan serba sedikit tentang adat itu maka datanglah satu persoalan kepada kita, mengapakah adat itu sehingga hari ini masih hidup di Negeri Sembilan sedangkan dalam masa 30 ke 40 tahun yang akhir-akhir ini bermacam-macam cemuhan dilemparkan. Ada yang mengatakan adat itu sudah lapuk, sudah usang dan lain-lain lagi. Paling sedih ada pula orang yang tidak mahu mengaku berasal dari Negeri Sembilan pada hal kampungnya berada di Rembau, di Kuala Pilah atau di Jelebu. Saya tidak mahu bercakap panjang dalam perkara ini tetapi begitulah lebih kurang gara-gara semasa mengenai adat itu. Di sini sebenarnya saya bukanlah hendak membela, hanya sekadar hendak membentangkan sahaja. Sepanjang yang saya ketahui seorang anak Negeri Sembilan itu di rasa sangat tersinggung bila dikatakan tidak tahu adat. Dia tidak rela menerima kata itu. Dia sayangkan adat itu. Lihat sahaja seorang pemuda Negeri Sembilan yang dibesarkan di bumi adat bila sampai ketika hendak memilih jodoh, dia berkejar balik kampung bertanya ibu bapanya bolehkah gadis Suku tanah Datar di sekian tempat itu kahwin dengan kita Suku Tiga Batu di sini. Dan macam-macam lagi yang ditanyakannya. Ketika itu anak Negeri Sembilan tidak melupakan adat.

Seperkara lagi, katalah seorang Negeri Sembilan duduk menetap di Kuala Lumpur, tetapi bila membuat kenduri kahwin kadang-kadang didapati persiapannya lebih beradat lagi daripada orang-orang kampungnya di Negeri Sembilan. Malu kalau dikata, orang Negeri Sembilan di Kuala Lumpur sudah melupakan adat atau tidak beradat lagi. Demikian adat itu di hati masyarakatnya.

Jikalau sudah demikian halnya tentulah ada sesuatu yang menyebabkan mereka bersikap begitu. Sepaling kurangnya dapat difahamkan bahawa masyarakat Adat Perpatih itu jiwanya masih sayang dan cinta kepada adatnya. Di mana pun mereka berada bila sampai pada tempat-tempatnya mereka belum sanggup hendak melupakan adat walaupun cara hidup sudah berubah. Bahkan mereka memandang adat itu adalah satu lambing kemegahan yang perlu dipelihara hidup bersama dalam zaman moden ini.

Sekianlah, wabillahi taufik walhidayah wassalaualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Kampung Mulia.

Rembau 9.3.87